



مَحْلِسِ اَكْتَامِ اِسْلَامِ سُلاْعُورُ

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : mail@mais.gov.my



menjunjung amanah

MAIS.100-9/1/2 (63)

7 Oktober 2023

21 Rabiul Awwal 1445H

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) TETAP TEGAS UNTUK MENARIK BALIK TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM BAGI AKTIVIS POLITIK

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 5 Oktober 2023 yang memutuskan pembatalan penarikan balik tauliah mengajar agama Islam terhadap Ustaz Dusuki Abdul Rani yang telah dikeluarkan oleh MAIS. Keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam ini adalah berdasarkan alasan ketidakpatuhan prosedur semasa proses penarikan balik tauliah dibuat. Keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam ini sama sekali tidak menyentuh dan tidak mempersoalkan penarikan balik tauliah atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang tidak memperkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik. Justeru, titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ini masih berkuat kuasa di Negeri Selangor.

MAIS menegaskan bahawa keputusan MAIS untuk menarik balik tauliah mengajar agama Islam terhadap Ustaz Dusuki Abdul Rani ini dibuat selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang berkaitan dan berdasarkan maklumat tentang status keaktifannya dalam parti politik termasuk tapisan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

Dalam hal ini, MAIS memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam tersebut atas alasan, antara lain, rayuan yang difaillkan ini hanya bersifat akademik semata-mata kerana tempoh tauliah mengajar agama Islam Ustaz Dusuki Abdul Rani telah pun tamat pada 30 Jun 2023.

Seterusnya, merujuk kepada keputusan isu penarikan balik tauliah mengajar agama Islam melibatkan penceramah Ustaz Abdullah Khairi, MAIS menegaskan bahawa keputusan Jawatankuasa Tauliah MAIS tersebut juga dibuat selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang sama berhubung larangan pemberian tauliah mengajar agama Islam kepada mana-mana aktivis politik. Tindakan penarikan balik tauliah ini dibuat mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 dan pemegang tauliah yang terkesan diberi ruang untuk membuat rayuan kepada MAIS.

MAIS menyeru semua pihak agar tidak mempolitikkan isu penarikan balik tauliah mengajar agama Islam dan menghormati titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang tidak memperkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik kerana dikhuatiri ia boleh disalahgunakan untuk kepentingan mana-mana parti politik yang akhirnya akan membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam di Negeri Selangor serta mencemarkan agama Islam.

TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor